



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

Ministry of Agriculture and Food Security

Wisma Tani

No 28, Persiaran Perdana, Presint 4

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62624 PUTRAJAYA,

MALAYSIA

No. Telefon : 03-8000 8000

No. Faks : 03-8888 6020

Laman Web : www.kpk.gov.my

SIARAN MEDIA

**TINJAUAN LAPANGAN HARGA BERAS PUTIH IMPORT TERKINI
DI SEKITAR KOTA KINABALU, SABAH**

KOTA KINABALU, 7 OKTOBER 2023 – Pada hari ini, saya bersama Tuan AB Alim bin Multazam, Pengarah Kawalselia Padi dan Beras (KPB) Negeri Sabah serta anggota telah meninjau sendiri harga beras putih import (BPI) terkini di pasar raya sekitar Kota Kinabalu, Sabah. Tinjauan ini dilaksanakan susulan kelulusan YAB Perdana Menteri berkenaan pemberian **subsidi sebanyak RM950 per tan metrik** mulai **5 Oktober 2023 bagi BPI di Sabah termasuk Labuan dan Sarawak**. Menerusi langkah intervensi ini, harga runcit BPI boleh dibeli pada kadar maksimum **RM31 bagi kampil 10kg**.

Langkah ini diambil memandangkan pengeluaran beras putih tempatan (BPT) di Sabah termasuk Labuan dan Sarawak adalah terhad dan permintaan BPI yang tinggi di sini. Lantaran itu, pemberian subsidi ini bertujuan bagi memastikan rakyat sentiasa mendapat akses kepada bekalan beras yang mencukupi dengan harga yang berpatutan. Pihak pemborong di Sabah seperti Sazarice Sdn. Bhd. telah bersetuju supaya BPI yang telah dibeli oleh pasaran runcit dan pasar raya sebelum 5 Oktober 2023 dijual pada harga baharu yang telah ditetapkan. Perbezaan kos akan ditanggung oleh pihak pemborong berkenaan.

Selain itu, antara langkah intervensi tambahan KPKM adalah melalui penubuhan *Task Force* Operasi Bersepadu BPT yang diketuai oleh saya sendiri dan melibatkan Kawalselia Padi dan Beras (KPB), KPKM, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Jabatan Perkhidmatan Kuarantin Dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) dan Bahagian Penguat Kuasa, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN). Pada 5 Oktober 2023, saya sendiri telah turun padang mengetuai operasi ini sekitar negeri Selangor.

Operasi ini diperluaskan ke seluruh negara dengan memberi fokus kepada pemeriksaan dan penguatkuasaan di kesemua peringkat rantai pembekalan termasuklah di sepanjang sempadan negara dan pelabuhan-pelabuhan utama bagi memastikan beras yang disubsidikan ini tidak diseludup ke luar negara.

Pihak KPKM menegaskan bahawa semua pemegang Lesen Borong Beras dan Lesen Runcit Beras hendaklah mematuhi Akta Kawalan Padi dan Beras 1994 (Akta 522) dan peraturan-peraturan di bawahnya.

YB DATUK CHAN FOONG HIN

TIMBALAN MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

7 OKTOBER 2023